

D027

R B676 AAB  
(PEMBETULAN PADA PARA TIGA)  
MAHATHIR - KUASA

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN PERTANDINGAN DALAM UMNO KALI INI SEBAGAI USAHA SATU GOLONGAN YANG INGIN MERAMPAS KUASA.

KATANYA, OLEH KERANA ADA GOLONGAN YANG INGIN MEREbut KUASA DAN PUCUK PIMPINAN UMNO, PERHIMPUNAN UMNO KALI INI MENJADI TUMPUAN RAMAI.

SEMASA BERUCAP PADA SATU MAJLIS JAMUAN MALAM DI HOTEL HILTON DI SINI MALAM TADI, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA PARA PERWAKILAN MEMPUNYAI PERANAN PENTING UNTUK MENENTUKAN PUCUK PIMPINAN NEGARA.

KATANYA, PARA PERWAKILAN PERLU MEMBUAT PEMILIHAN MENGIKUT REGU AGAR KESESUAIAN DALAM REGU ITU MEMUDAHKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN KEPADA MEREKA.

+TIDAK ADA GUNA MEMBUAT PEMILIHAN CAMPURAN SEMATA-MATA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SATU-SATU KUMPULAN SEDANGKAN IA BOLEH MEROSAKKAN PERPADUAN DAN PERJALANAN DALAM PARTI DAN KERAJAAN+, JELASNYA.

+SAYA SENDIRI TIDAK SUKA KEPADA BERKELOMPOK ATAU BERPUAK TETAPI DEMI KEKUATAN PARTI DAN KERAJAAN KITA PERLU BERBUAT DEMIKIAN+, TAMBAHNYA.

LEBIH 2,000 PERWAKILAN, PEMERHATI DAN PENYOKONG KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO ESOK MENGHADIRI MAJLIS ITU. -- BERNAMA /PK  
1026MST 23 04 87